



قجابت بسر
مجلس دائره تحقق
PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06 - 978 1261 / 978 2226
No. Faks : 06 - 978 2670 / 978 5741
Emel : mdtgk@johor.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

'RALAT'

Di Letakkan di papan notis pada : **15.01.2025**

**KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**


1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar di Majlis Daerah Tangkak, serta memiliki Sijil-sijil di bawah **Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PPK dalam **Gred dan Kategori, Sijil Kewangan (MOF)** dan telah dibuat pendaftaran dengan JCCD yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebagaimana berikut:-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhususan	Harga (RM)
MDT.17-1/ 02/ 2025/ PROJEK	Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Komputer Desktop, Komputer Riba, Mesin Pencetak Serta Tablet Untuk Kakitangan Di Majlis Daerah Tangkak, Johor	MOF	210101 & 210102	RM 30.00
MDT.17-1/ 03/ 2025/ PROJEK	Membekal Dan Menghantar Barang-Barang Alatulis Komputer Untuk Kegunaan Kakitangan Majlis Daerah Tangkak 2025	MOF	020601	RM 30.00
MDT.17-1/ 04/ 2025/ PROJEK	Pelantikan Panel Perkhidmatan Membekal Makanan Dan Minuman Di Majlis Daerah Tangkak Tahun 2025	MOF	040101 & 040103	RM 30.00
MDT.17-1/ 05/ 2025/ PROJEK	Kerja-Kerja Pembersihan (Sapuan Jalan Dan Potongan Rumput) Zon A Meliputi Bandar Tangkak, Pekan Sagil, Pekan Serom, Bandar Bukit Gambir Dan Pekan Gersik Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak, Johor Tahun 2025	MOF	221002	RM 50.00

MDT.17-1/ 06/ 2025/ PROJEK	Kerja-Kerja Pembersihan (Sapuan Jalan Dan Potongan Rumput) Zon B Meliputi Pekan Bukit Kangkar, Pekan Sungai Mati, Pekan Rawang, Parit Bunga, Tanjung Agas Dan Lebu Amj Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak, Johor Tahun 2025	MOF	221002	RM 50.00
MDT.17-1/ 07/ 2025/ PROJEK	Cadangan Lantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan, Lampu Kawasan Lapang Dan Lampu Hiasan Jalan Di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak Bagi Tahun 2025	G1, G2 & G3	ME : E04, E11, E16 & E17	RM 50.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **15hb Januari 2025 (Rabu)** sehingga **22hb Januari 2025 (Rabu)** dari **8.00 pagi** hingga **4.00 petang** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak, 84900 Tangkak, Johor. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama "**MAJLIS DAERAH TANGKAK**". Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. **WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK BOLEH DITERIMA** selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e)(5).
3. Hanya **SEORANG** penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.
4. Setiap penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama **salinan lesen Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** iaitu **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SSPK)** oleh CIDB, **Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK)** oleh CIDB, **Sijil Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** oleh PKK yang telah **DISAHKAN**, **Sijil Kewangan (MOF)** dan **Sijil Kontraktor Johor (SKJ)** oleh **Johor Centre for Construction Development (JCCD)** bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.
5. Bagi penyebutharga kelas **G2** ke atas adalah **DIINGATKAN** supaya mengemukakan salinan seperti berikut :
 - i. **SALINAN LESEN YANG BERKAITAN**
 - ii. **SALINAN PENYATA BANK SYARIKAT BAGI 3 BULAN TERAKHIR YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK**
 - iii. **SENARAI PENGALAMAN KERJA BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN TERUTAMANYA BAGI KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM TAHUN SEMASA DAN TAHUN 2022**
6. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga dibenarkan menghantar secara kurier di Majlis Daerah Tangkak sebelum jam **12.00 tengahari** pada **22hb Januari 2025 (Rabu)**

7. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebarang terendah harganya atau sebarang tawaran.



(HAJI MOHD NAZID BIN JASMAN)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.

Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
www.mdtangkak.com.my